

Dr Mahathir minta ahli sokong calon BN

ALOR STAR: Tun Dr Mahathir Mohamad meminta ahli Barisan Nasional (BN) menyokong calon parti berkenaan yang dipilih pucuk pimpinan untuk bertanding pada pilihan raya umum ini.

Penasihat Pilihan Raya BN Kedah itu berkata, sokongan padu semua ahli BN diperlukan untuk membolehkan parti membentuk kerajaan yang kuat.

Beliau berkata, ahli BN perlu menolak rasa tidak puas hati kerana disebabkan individu tertentu tidak dipilih sebagai calon kerana tinda-

kan itu akan merugikan parti.

"Saya sokong semua calon yang dipilih dan berharap semua ahli menyokong siapa juga calon yang dipilih," katanya pada majlis pengumuman calon pilihan raya BN oleh Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, semalam.

Sambil mengulangi janjinya untuk menyokong dan membantu kempen BN, Dr Mahathir berkata, adalah perkara biasa jika sesetengah individu tidak dipilih tetapi akhirnya mereka yang dipilih perlu disokong.

"Ketika dalam penerbangan, Syed

Razak ada tunjukkan kepada saya senarai calon dan seperti biasa ada yang saya minat dan ada juga yang saya fikir tidak sesuai.

"Tetapi saya ingin pegang kepada janji dan menyokong sesiapa saja yang dicalonkan dan soal saya suka atau tidak... tidak timbul," katanya yang mahu semua ahli BN berbuat demikian.

Beliau berkata, ahli BN tidak wajar mengutamakan kepentingan diri atau individu tertentu kerana ia bukan matlamat perjuangan parti.

"Perjuangan parti adalah mendiri-

kan kerajaan yang kuat dan saya yakin tuan-tuan akan memberi sokongan kepada sesiapa saja yang dipilih kerana hakikatnya calon yang dipilih adalah calon BN dan sebagai ahli kita perlu sokong," katanya.

Beliau juga mengingatkan ahli BN bahawa 'sekali kalah tidak akan mudah menang kembali'.

Sementara itu, Syed Razak berkata, ahli BN perlu memberikan kerjasama kepada calon yang dipilih dan mengutamakan kemenangan parti.

"Saya meminta maaf kepada wakil

rakyat yang digugurkan. Tetapi bukan itu yang utama, sebaliknya ialah kita akan memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat selepas menang," katanya.

Beliau berkata, sama ada dicalonkan atau sebaliknya, semua ahli BN mempunyai tanggungjawab bersama untuk memenangkan parti pada pilihan raya ini.

"Saya harap semua bertenang dan Allah akan memberi kekuatan kepada kita untuk menghadapi pilihan raya dan harap semua calon diterima oleh semua," katanya.